

BERITA HARIAN

DATE: 09/04/2008

# 'Tiada bukti Dr M ganggu siasatan'

BH- 9/4/2008.

## Kes ditutup kerana tak ada keterangan sokongan

**P**UTRAJAYA: Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, semalam berkata siasatan polis mendapati tiada keterangan sokongan (corroborative evidence) bahawa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, cuba menghentikan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 1988.

Abdul Gani berkata, siasatan mengikut Ordinan 22 kerana salah guna kuasa itu dijalankan berikutan laporan yang dibuat seorang pegawai polis selepas kenyataan bersumpah Ketua Pengarah BPR pada masa itu, Datuk Shafee Yahya, bahawa Dr Mahathir mengarah beliau menutup kes berkenaan.

"Tiada keterangan sokongan bahawa Dr Mahathir cuba menghentikan siasatan," katanya kepada wartawan *New Straits Times* (NST) yang menemui beliau di lobi Pejabat Peguam Negara, di sini, semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, yang berada bersama Abdul Gani, mengesahkan polis ada menjalankan siasatan terhadap Dr Mahathir.

"Rekod menunjukkan kami mengemukakan kertas siasatan kepada Pejabat Peguam Negara pada 15 Februari 2000. Keputusan yang dibuat

Peguam Negara pada masa itu (Alahyarham Tan Sri Mohtar Abdullah) ialah tiada kes," katanya.

Abdul Gani adalah pegawai pendakwa perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika Shafee membuat kenyataan itu.

Ditanya kemungkinan kertas siasatan itu dibuka semula, Abdul Gani berkata tiada sebab kerana kes itu sudah ditutup.

"Bagaimana anda mahu membuka

**“**Bagaimana anda mahu membuka semula kes ini sedangkan ia cakap satu lawan satu ... bagaimana saya nak menang kes ini tanpa keterangan sokongan (dan) tiada saksi”

**Abdul Gani Patail**  
Peguam Negara

semula kes ini sedangkan ia cakap satu lawan satu (one-to-one)... bagaimana saya nak menang kes ini tanpa keterangan sokongan (dan) tiada saksi," katanya.

Mengimbau perbicaraan kes Anwar itu, Abdul Gani berkata, Shafee ketika pemeriksaan balas menyatakan beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau mahu menyerbu pejabat pegawai kanan EPU itu.

"Saya tanya beliau (Shafee) sama ada Dr Mahathir memberi lampu hijau untuk tindakan itu. Shafee berkata Tun cuma diam. Shafee kemudian melakukan serbuan terhadap pejabat EPU itu. Hanya selepas itu beliau dipanggil Dr Mahathir yang bimbang serbuan itu dilakukan kerana terlampau bersemangat," katanya.

Mengenai dakwaan Dr Mahathir bahawa Shafee menjerit-jerit semasa pertemuan mereka itu sehingga beliau tidak tahu berkata apa-apa, Abdul Gani berkata, tiada siapa pun tahu apa sebenarnya yang berlaku.

"Ia adalah kata-kata antara mereka berdua... bagaimana kita nak membuktikannya melampaui keraguan munasabah," katanya.

Abdul Gani dan Musa juga menyatakan tiada campur tangan pihak eksekutif sepanjang mereka melaksanakan tugas masing-masing.